



AMANAT NAIB CANSELOR UMT 2024
"MENJULANG ASPIRASI MADANI, MENAKHODA GLOBALISASI"

Oleh : Profesor Dato' Dr. Mazlan bin Abd Ghaffar, FASc.

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu

8.00 pagi | 18 Februari 2023 (Ahad) | Dewan Sultan Mizan (DSM)

KATA ALUAN

1. Bismillairrahmanirrahim
2. Alhamdulillah, pada hari yang sangat bermakna ini, kita dapat bersama-sama berkumpul bagi menyelami aspirasi dalam amanat yang akan saya sampaikan sebentar lagi.
3. Belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 kepada semua Warga UMT Cemerlang sekalian.
4. Semoga tahun ini, akan tercapai lebih banyak kejayaan dan pencapaian yang kita akan kecapai bersama, Insya-Allah.

PENDAHULUAN

5. Warga UMT Cemerlang yang saya kasihi sekalian.
6. Sepanjang saya memegang jawatan sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Naib Canselor di UMT ini, saya amat berbangga apabila melihat kesemua warga berjaya membentuk satu pasukan yang mantap, demi memastikan UMT dapat dipacu ke arah kecemerlangan berpandukan pelan strategik universiti.
7. Asas kukuh telah kita bina bersama di dalam Pelan Strategik UMT 2018-2022 atau PSUMT4 dengan pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif yang dirancang dengan efisien dan efektif.
8. Pelaksanaan program dan inisiatif ini didokong oleh pengurusan pengumpulan data yang semakin mantap terutamanya untuk Malaysia Research Assessment

(MyRA) dan Sistem Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA).

9. Proses pengintegrasian data yang dijalankan oleh TSR dan PED juga dianalisa dan dihantar ke pihak penarafan global.
10. Saya percaya, ianya akan membantu dalam melonjakkan imej dan kedudukan UMT di peringkat global.
11. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak TSR, PED serta kesemua penyedia data PTJ atas kerjasama yang diberikan.
12. Berdasarkan data dan pencapaian UMT, boleh saya katakan UMT sangat kompetitif dan terkedepan berbanding universiti-universiti awam lain di dalam kumpulan universiti bukan penyelidikan (non-RU).
13. Sebagai contoh, hasil pencapaian Research, Development, Commercialization and Innovation (RDCI) UMT yang ditanda aras oleh MyRA dan pencapaian UMT sebagai sebuah universiti di dalam tiga tunjang utama universiti yang ditanda aras oleh SETARA, UMT merupakan universiti paling terkehadapan berbanding universiti lain di dalam kategori universiti non-RU untuk MyRA dan 'emerging universities' untuk SETARA.
14. Ini merupakan bukti bahawa Warga UMT sangat hebat dan kini budaya kerja cemerlang telah menjadi amalan di UMT. Alhamdulillah.
15. Tahniah dan terima kasih di atas komitmen yang diberikan di atas pencapaian cemerlang UMT untuk beberapa tahun kebelakangan ini.
16. *These are the very reasons why all of you deserve to be called "Warga UMT Cemerlang".*
17. Namun begitu, meskipun pelbagai kejayaan yang telah kita kecapai, saya tidak mahu kita semua berada di zon selesa. *We just cannot rest on our laurels.*
18. Kita perlu bergerak dengan lebih tangkas untuk mencapai lebih banyak kejayaan yang cemerlang. *We have to benchmark ourselves with other well known universities in the global arena.*
19. *Therefore, we must challenge the status quo. It is impossible to make a change for the better, without challenging the status quo. We always talk about change but yet, we still want to remain with the status quo.*

20. Ini tidak boleh berlaku. Kebanyakan masa, *status quo* akan menghalang pelan strategik UMT untuk bergerak dengan lebih pantas dan jauh bagi mencapai kecemerlangan lebih hebat.
21. *All of us must change!*

PELAN STRATEGIK UMT 2023 - 2027

22. Rakan-rakan yang saya hormati sekalian,
23. Pelan Strategik UMT 2023 - 2027, juga dikenali sebagai PSUMT5, telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 14 Oktober 2023.
24. Walaupun kelulusan LPU diperolehi agak lewat akibat beberapa isu yang berada di luar kawalan UMT, PSUMT5 ini pada hakikatnya telah pun mula digunakan oleh UMT seawal tahun 2023.
25. Pihak TSR juga telah memulakan jerayawara berdasarkan kepada deraf PSUMT5 yang diperakukan oleh MPU pada awal tahun lepas dan telah dimasukkan ke dalam RTS 2023.
26. PSUMT5 yang diluluskan oleh LPU mempunyai beberapa penambahbaikan yang lebih memfokuskan kepada bidang tujuhan UMT berdasarkan kepada visi UMT.
27. Untuk itu, saya mahukan Pro Naib Canselor (Strategi dan Prestasi) bersama-sama TSR dapat menganjurkan sekali lagi jerayawara untuk berkongsi dengan semua warga UMT Cemerlang berkenaan PSUMT5 terkini.
28. PSUMT5 bukan sahaja buku pelan strategik untuk disimpan di atas rak atau di dalam komputer sahaja. Yang penting, kita semua mesti menyelami dan memahami isi kandungan PSUMT5, seterusnya melaksanakan program dan juga inisiatif yang telah dirangka secara strategik, untuk membolehkan UMT mencapai segala indikator yang ditetapkan pada setiap akhir tahun demi menggapai matlamat utama UMT pada akhir tahun 2027.

BIDANG TUJAHAN UMT

29. Warga UMT cemerlang yang saya kasihi sekalian,
30. Kita selalu gah mengatakan kita hebat dalam bidang kelautan. Gah mengatakan kita unggul dalam bidang akuatik.

31. Benarkah begitu? Kita mungkin hebat dalam bidang tujahan kita di peringkat kebangsaan tetapi masih belum cukup hebat untuk bersaing di peringkat antarabangsa.
32. Sudah tiba masanya kita memandang serius mengangkat kebitaraan UMT dalam bidang tujahan universiti iaitu Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik hingga ke peringkat global.
33. Oleh itu, PSUMT5 menetapkan Matlamat Utama UMT untuk tempoh 5 tahun mendatang, adalah menjadi sebuah Universiti Berfokus Marin Terunggul Dalam Negara dan Disegani di Peringkat Global.
34. UMT mesti cemerlang di setiap peringkat, dari peringkat universiti, ke fakulti dan institut penyelidikan, ke program akademik, ke program merakyatkan ilmu dan yang penting sekali bakat termasuk mahasiswa yang menjadi tunjang kecemerlangan UMT seperti terkandung di dalam PSUMT5.
35. UMT, mesti menjadi rujukan utama rakan akademik, penggubal polisi, kerajaan, industri dan komuniti sama ada di dalam atau luar negara bagi hal-ehwal berkaitan kelautan dan sumber akuatik.
36. Kita seharusnya menjadi peneraju bidang tujahan kita dan bukannya pengikut.
We must be a trend setter and not a trend follower.

LANDASAN HALATUJU KPT 2024

37. Para hadirin yang saya kasihi sekalian,
38. Awal tahun 2024, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir telah menyampaikan amanat beliau yang menggariskan landasan halatuju Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024.
39. Yang Berhormat Menteri telah menggariskan 5 fokus utama dan 20 landasan yang kita perlu berikan perhatian serius untuk digunapakai dan dilaksanakan di UMT demi memacu kelima-lima fokus utama tersebut ke aras kecemerlangan.
40. Berdasarkan pemetaan yang telah dibuat oleh kesemua Ketua dan Penyelaras Teras PSUMT5 serta dibantu oleh Ketua PTJ akademik, 5 fokus utama dan 20 landasan hala tuju KPT ini sejajar dengan kesemua Teras, Objektif Strategik dan Inisiatif di dalam PSUMT5.

41. Keseragaman ini memudahkan UMT bukan sekadar mencapai matlamat utama PSUMT5 tetapi juga memenuhi keperluan dan kehendak KPT.
42. Oleh itu, saya merasakan amat penting untuk kesemua Warga UMT memberikan sokongan penuh kepada pelaksanaan PSUMT5 bagi meneruskan momentum kecemerlangan selari fokus dan landasan yang ditetapkan oleh KPT. Langkah sederap di kalangan warga amat diperlukan.
43. Untuk 2024, saya akan berikan penekanan kepada 20 program yang akan dilaksanakan sejajar 5 fokus utama halatuju KPT.

FOKUS UTAMA PERTAMA:

PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA - KAKITANGAN

44. Sahabat dan rakan-rakan yang saya sanjungi sekalian,
45. Kecemerlangan sesebuah universiti bergantung kepada kecemerlangan BAKAT yang ada.
46. Pelbagai kecemerlangan yang telah dikecapi oleh UMT adalah hasil daripada komitmen dan usaha yang cemerlang secara konsisten oleh bakat UMT.
47. Tidak dapat kita nafikan bahawa bakat adalah pemboleh daya yang paling penting untuk memastikan universiti melaksanakan tanggungjawab berdasarkan kepada tiga tunjang utama dengan berkesan.
48. Bagi fokus utama yang pertama iaitu penyediaan bakat terbaik Negara, saya bahagikan kepada kakitangan dan mahasiswa.

FOKUS UTAMA PERTAMA:

PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA - KAKITANGAN

Program Pertama: Pemantapan Kecemerlangan Warga UMT

49. Hadirin yang saya hormati sekalian,
50. Saya mahukan kita semua bergerak sederap sebagai sebuah keluarga di dalam melaksanakan kesemua tugas yang telah diamanahkan dengan penuh tanggungjawab dan cemerlang.

51. Bagi meneruskan tradisi kecemerlangan serta didokong momentum yang terus meningkat, bakat berdaya saing yang punyai karakter serta nilai peribadi yang murni, amatlah diperlukan oleh pihak universiti.
52. Bakat sebeginilah yang perlu kita berikan penilaian dan pengiktirafan yang sewajarnya, tanpa melihat kepada status gred, tetap atau kontrak, tetapi mestilah berdasarkan kepada merit, prestasi dan sumbangan kepada universiti.
53. Tiada lagi penilaian cemerlang diberikan berdasarkan kepada hubungan baik dengan PPP atau PPK atau menggunakan nama Naib Canselor atau Timbalan-Timbalan Naib Canselor. Saya tidak mahu lagi '*self interest*' atau '*sympathy*' atau '*popular-based decision*' semasa membuat penilaian akhir tahun.
54. Tradisi ini perlu dipecahkan untuk membolehkan pencapaian UMT terus meningkat dan bukan sekadar *isomorphic mimicry*. Sekiranya kakitangan tersebut tidak mempamerkan prestasi serta karakter peribadi yang baik, berikan penilaian yang sewajarnya. *It is all about merit and contribution to UMT.*
55. *We have to look this in a positive way.* Bukan sahaja pengurusan tetapi kakitangan tersebut sendiri perlu mengetahui punca permasalahan kenapa pencapaian mereka tidak memuaskan.
56. Saya sedar, di kala ramai yang berhempas pulas menyumbang kepada organisasi, ada di antara kita yang mungkin kehilangan motivasi, atau, kekurangan kemahiran dan kompetensi dalam usaha untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang. Perkara ini berlaku kepada warga akademik dan bukan akademik.
57. Oleh itu, saya mahukan Pendaftar melalui Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI) dengan kerjasama kesemua Ketua PTJ dapat mengenalpasti kakitangan yang kurang atau tidak berprestasi.
58. Kenalpasti punca permasalahan mereka, bantu mereka, tingkatkan kembali motivasi, perkasakan kemahiran dan kompetensi agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cemerlang.
59. Saya tidak mahu permasalahan ini berpanjangan, menyebabkan mereka tidak berpeluang untuk melaksanakan tugas mereka dengan baik. Sekiranya tidak diatasi dengan berkesan, *the underperforming staff will eventually derail our commitment to enhance the performance and achievement of the university and I'm as the Vice Chancellor will not allow it to happen.*

60. Saya juga tidak mahu momentum hebat UMT ini, diperlahankan oleh kakitangan yang enggan menyumbang kepada organisasi. Malahan, ada yang cuba mewujudkan suasana serta persekitaran yang tidak sihat melalui provokasi di media sosial dan digital.
61. Ia perlu dihentikan dengan segera! Tanya diri sendiri, legasi yang bagaimana anda ingin tinggalkan di UMT ini. Adakah anda ingin diingati sebagai yang sentiasa memberi inspirasi atau sebagai mewujudkan provokasi?
62. Jadilah manusia yang berjiwa besar, punyai nilai, peribadi dan jati diri yang murni. Bak orang berilmu yang merendahkan diri, tidak akan hilang ilmunya. Bak orang besar yang merendahkan diri, tidak akan jatuh martabatnya. Ibarat "Ular menyusur akar, takkan hilang bisanya".
63. Sekali lagi, saya mahukan Ketua PTJ untuk mengenalpasti punca permasalahan mereka dan bantu mereka dengan efektif, melalui kerjasama bersama pihak Pendaftar dan PPBI.
64. Sebagai contoh, *Plus One initiative* yang dilaksanakan sebelum ini telah menurunkan peratusan warga akademik yang tidak menerbitkan sebarang artikel dari 30% ke 15%.
65. Saya yakin peratusan yang tidak menerbit, tidak mempunyai geran penyelidikan sebagai penyelidik utama dan tidak menyelia pelajar siswazah dapat diturunkan lagi pada tahun ini melalui pelaksanaan latihan atau *one-to-one mentoring* secara strategik.
66. *I know all of us can do it. All of us have the capacity to do it. That's why you are here in UMT. Sometimes, some of us may need a bit of a push to improve our performance towards excellence.*
67. Begitu juga dengan pengambilan kakitangan baharu, ianya perlu dilakukan dengan asas-asas yang kukuh, bukan sahaja dari segi kelayakan tetapi dari segi kompetensi serta yang paling utama, punyai karakter bersesuaian, untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan.
68. Ianya mesti berasaskan kepada merit yang sebenar dan bergantung kepada kebolehan, kepakaran dan pengalaman yang diperlukan oleh organisasi.
69. Sebagai contoh, pendekatan pengambilan warga akademik melalui SLAM dan SLAI perlu diperkemaskan lagi untuk mengelakkan calon yang kita ambil tidak dapat menamatkan pengajian mereka.

70. Status calon yang sedang aktif menyambung pengajian termasuk calon yang dalam status penangguhan sebelum tindakan gantirugi iaitu sebanyak 69%, calon yang telah lulus sebanyak 18% dan calon yang gagal menamatkan pengajian sebanyak 13%.
71. Peratusan gagal masih tinggi dan saya mahukan peratusan ini diturunkan ke digit tunggal, atau lebih baik lagi terus menjadi sifar.
72. Sekali lagi saya tekankan, proses pengambilan perlu diperhalusi dan diperbaiki, untuk mengambil masuk bakat-bakat yang mempunyai kemahiran serta karakter bersesuaian yang diperlukan untuk berkhidmat di UMT.
73. Ini kerana, bakat-bakat yang akan kita ambil ini akan berkhidmat dengan UMT untuk 35 tahun akan datang, dan kita perlu melakukan proses pengambilan dengan merit yang sebenar untuk memastikan mereka kekal cemerlang sepanjang tempoh mereka berkhidmat di UMT.
74. Bakat-bakat yang cemerlang sepatutnya akan membolehkan proses dan perkhidmatan yang terbaik diberikan kepada warga UMT, pelajar UMT dan juga pemegang taruh.
75. Saya tidak mahu lagi mendengar kerenah '*red tape*' dan birokrasi yang berlebihan dan berpanjangan menyebabkan proses keputusan menjadi lambat dan perkhidmatan yang tidak efisien.
76. Begitu juga dengan kewujudan '*Little Napoleon*' yang menggunakan kuasa yang ada bukan untuk tujuan membantu untuk mempercepatkan keputusan yang tepat, tetapi melambatkan atau menangguhkan pelaksanaan, dan sekiranya pelaksanaan dibuat, ianya tidak mengikuti perancangan strategik dan tadbir urus yang telah ditetapkan.
77. Polisi yang ingin dibina juga perlu mengambil kira '*a bigger picture*', untuk ke arah kecemerlangan universiti secara keseluruhan dan bukannya tersasar untuk kelompok tertentu sahaja.
78. Saya tidak mahu lagi perkara-perkara seperti ini berlaku. Ianya akan menghindarkan momentum kita untuk terus melonjak lebih cemerlang.
79. Kesemua polisi, tadbir urus dan perkhidmatan mesti dilaksanakan dengan efisien, efektif dan '*future-driven*' berdasarkan kepada perancangan strategik untuk mencapai sasaran yang kita semua tetapkan setiap tahun.

80. Walaupun begitu, saya juga sedar sistem sokongan dan persekitaran yang kondusif adalah amat penting untuk memastikan Warga UMT kekal cemerlang di dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.
81. Untuk itu, Kajian Indeks Kesejahteraan Warga perlu dilakukan secara serius. Bukan setakat mendapatkan maklumbalas di atas kertas dari warga, namun yang lebih penting lagi menghasilkan mekanisme yang berkesan untuk intervensi indikator yang rendah di dalam indeks tersebut.
82. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Saya mahukan pihak Pendaftar memberikan perhatian dan TINDAKAN SEGERA terhadap perkara ini.

FOKUS UTAMA PERTAMA:

PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA - KAKITANGAN

Program Kedua: Pemantapan Nilai-nilai Murni di Kalangan Warga UMT

83. Saya juga ingin tekankan di sini, di dalam usaha kita mengejar kecemerlangan atau *Key Performance Indicator* (KPI), kita jangan sesekali melupakan *Key Intangible Performance* atau KIP.
84. Ianya satu nilai yang amat penting yang bertindak sebagai akar untuk mendokong segala usaha kita semua mencapai kecemerlangan.
85. Seperti mana yang disebut oleh YAB Perdana Menteri Dato Seri Anwar Ibrahim, **"Dalam keghairahan kita mengejar dan mendakap kemajuan, nilai dan jati diri tidak boleh diabaikan – ketika tangan mengacung ke langit menggapai kecanggihan dan kemajuan, kaki tetap berpijak teguh berakar di bumi, atas landasan nilai, budaya dan jati diri keMalaysiaan"**.
86. Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi juga dalam ucapan Landasan Halatuju KPT 2024, turut mengingatkan kita untuk **Menggapai Ke Langit, Berpijak Di Bumi**. Nilai dan jati diri adalah amat penting serta mesti selari dengan kecemerlangan dan kemajuan.
87. UMT pada dasarnya selari dengan falsafah ucapan YBM Pendidikan Tinggi. Pelaksanaan PSUMT5 dipandu oleh 5 Nilai Teras UMT yang pada asasnya bagi memastikan dalam kita ralit mengejar untuk menjadi universiti tersohor di

peringkat global, nilai-nilai murni tidak dilupakan supaya tidak membawa resmi jagung – Makin Berisi Makin Jegang¹.

88. Nilai teras UMT ini dapat mengukuhkan kebersamaan dan keberkesanan dalam tindakan yang dilaksanakan dan merupakan landasan kukuh bagi memastikan matlamat utama PSUMT dapat dicapai tanpa mengabaikan nilai-nilai moral dan jati diri warga UMT.
89. Kesepaduan visi dan misi UMT dengan nilai-nilai teras UMT yang dianuti oleh keseluruhan Warga UMT Cemerlang bakal mewujudkan suasana harmoni yang menyuburkan persaingan sihat dan membawa kepada kecemerlangan berpanjangan secara holistik.
90. Oleh itu, saya mencadangkan kesemua program di UMT bermula dengan aktiviti berbentuk '*soul set changing*' yang dapat menerapkan amalan yang positif dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan. PPBI perlu menggariskan Pelan Tindakan bagi program '*soul set changing*' ini.

FOKUS UTAMA PERTAMA:

PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA – MAHASISWA

91. Warga UMT yang saya kasihi sekalian,
92. Adalah menjadi tanggungjawab penting untuk sesebuah universiti melahirkan bakat masa hadapan Negara melalui Pemerksaan Mahasiswa.
93. Bukan sahaja setakat melengkapkan mereka dengan persediaan bersifat akademik semata-mata, tetapi sama pentingnya untuk kita lengkapkan mereka dengan kemahiran, kompetensi, nilai murni serta jati diri yang tidak dapat diperolehi melalui pendidikan formal di dalam bilik kuliah.
94. *We must prepare the balance of book-smart and street-smart students, and, future-ready and future-proof students.* Cabaran era pendigitalan dan *self-employment* perlu diberikan perhatian.

¹ Jegang = tegak. Bermaksud Makin Kaya (Berilmu) makin sombong (Sumber: DBP).

FOKUS UTAMA PERTAMA:
PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA – MAHASISWA
Program Pertama: Pemerksaan Mahasiswa

95. Pembentukan karakter mahasiswa yang berdaya saing dan bitara dalam konteks “Otak dan Watak” memerlukan usaha berterusan bermula dari awal hingga ke akhir pengajian.
96. Pusat Pembangunan dan Pemerksaan Mahasiswa ditubuhkan bagi memupuk kemenjadian mahasiswa dan ianya perlu dioptimumkan dalam kesemua aspek dan lapangan termasuk sukan, kebudayaan serta kepimpinan.
97. Setiap keringat dan usaha keras mahasiswa dalam pelbagai program akan diiktiraf oleh pihak universiti menerusi Anugerah Ikon Siswa UMT dan seterusnya di angkat sebagai Anugerah Tokoh Siswa Kebangsaan.
98. Ia tugas yang tidak mudah terutamanya dalam usaha mendidik mahasiswa yang rata-ratanya adalah golongan Gen Z, khususnya mendepani cabaran era digitalisasi ini.
99. Pembangunan dan pemerksaan nilai diri mahasiswa perlulah ditekankan selari Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab juga berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara.
100. Kita sebagai pendidik perlu memberikan penumpuan khas kepada mereka terutamanya dalam *nurturing young leaders* bagi menyediakan pelapis serta bakat golongan pemimpin muda baharu Negara.
101. Perhatian khusus perlu diberikan buat mahasiswa dari Pantai Timur, agar mereka ini percaya kepada kebolehan diri sendiri untuk meneroka pelbagai peluang kerjaya di luar, sebelum kembali dan menabur bakti di tanah sendiri.
102. Mahasiswa UMT perlu *resilience*, *dynamic* dan *versatile* disamping punyai adab, akhlak serta nilai-nilai murni. Saya mahukan TNC HEPA menyediakan Pelan Tindakan khusus bagi meningkatkan tahap komunikasi dan keyakinan mahasiswa terutamanya yang berasal dari Pantai Timur serta dibentangkan di Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU).

FOKUS UTAMA PERTAMA:
PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA – MAHASISWA
Program Kedua: Meluncur Pelayaran Untuk Semua

103. Sukan pelayaran di UMT akan terus diperkasa dalam usaha untuk menyuntik semangat mahasiswa meningkatkan kemahiran, nilai dan kompetensi diri.
104. Kita amat berbangga dengan pencapaian mahasiswa UMT dalam sukan ini sehingga berjaya mewakili Malaysia ke Bahrain. Ini merupakan hasil didikan dan latihan berterusan oleh Pusat Latihan Pelayaran dalam usaha menyediakan bakat terbaik dalam sukan pelayaran Negara. Tahniah dan Syabas saya ucapkan.
105. Ingin saya umumkan, satu sukan baharu yang bakal menjadi tarikan utama di UMT ialah Sukan "*Rowing*" yang akan diperkenalkan pada tahun ini bersesuaian dengan bidang tujahan kita di UMT.
106. Justeru itu, HEPA perlu melonjakkan kedua-dua aktiviti sukan pelayaran dan "*Rowing*" ini terutamanya ke peringkat Antarabangsa.
107. Sehubungan itu, kerjasama erat bersama pemegang taruh berstrategik antaranya Kementerian Belia dan Sukan serta Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) mestilah diperkukuh dalam usaha memperkasa program pelayaran untuk mahasiswa UMT ini.

FOKUS UTAMA PERTAMA:
PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA – MAHASISWA
Program Ketiga: Kecaknaan Terhadap Kebajikan

108. Ketidakstabilan ekonomi global telah memberi kesan kepada peningkatan kos sara hidup. Justeru, adalah tidak dinafikan, ia turut memberi kesan kepada mahasiswa.
109. Pihak universiti akan menambah peruntukan Dana Siswa bagi menampung kos sara hidup khususnya buat mahasiswa dari golongan B40 agar dapat meneruskan pengajian di UMT ini dengan jayanya.
110. Penambahbaikan Program Pembangunan Siswa Sulung 2.0 akan dijalankan dan bakal dimanfaatkan oleh 115 mahasiswa UMT. Pihak universiti akan

mengecualikan bayaran yuran sepanjang pengajian di UMT dengan kos sebanyak RM471,130.00.

FOKUS UTAMA PERTAMA:

PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA – MAHASISWA

Program Keempat: Penginapan Mahasiswa dan Indeks Kesejahteraan

111. Pihak universiti amat cakna dan sentiasa mencari inisiatif bagi memastikan mahasiswa UMT mendapat penginapan yang kondusif di luar kampus.
112. Alhamdulillah, kita telah berjaya mendapatkan perolehan 31 unit rumah di PMINT yang akan memberi manfaat kepada hampir 450 mahasiswa UMT termasuk pelajar Antarabangsa.
113. Namun, usaha tersebut tidak akan terhenti di situ sahaja. Kita sedia maklum, keadaan kolej kediaman yang usang dan kurang kondusif untuk mahasiswa UMT.
114. Kita sebenarnya amat kesal dan mendengar setiap rintihan serta keluhan mahasiswa sekalian.
115. Pihak pengurusan universiti telah mengambil pelbagai inisiatif sejak 12 tahun yang lalu, dalam usaha untuk menaiktaraf serta membina kolej kediaman yang baharu.
116. Namun, kita akui, terdapat pelbagai cabaran serta faktor yang tidak dapat dielakkan serta perlu dihadapi oleh pihak pengurusan universiti, sepanjang tempoh terbabit.
117. Sehingga kini, kita sedang berusaha sedaya-upaya bagi memastikan projek pembangunan kolej kediaman berkapasiti 5000 orang secara inisiatif pembiayaan swasta akan dapat disediakan untuk mahasiswa UMT.
118. Insya-Allah, dengan sokongan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, usaha ini akan membuah hasil dalam masa yang terdekat. Sama-sama kita doakan.
119. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Pejabat Pembangunan dan Harta UMT, atas usaha yang konsisten dalam memastikan perancangan serta inisiatif ini berjalan lancar.

FOKUS UTAMA PERTAMA:

PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA – MAHASISWA

Program Kelima: Melakukan Kerjasama Bermakna dengan Pihak Industri

120. Melihat ekosistem keusahawanan, CEC ditambah baik melalui penubuhan Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan atau UMT-GEM dengan struktur yang lebih mantap.
121. Dengan dana sebanyak RM 2.5 Juta, kerjasama strategik sedang dijalankan oleh UMT-GEM bersama pihak Irshad HR Consulting Sdn. Bhd. yang merupakan inisiatif daripada Khazanah Nasional Berhad melalui program pembangunan kemahiran '*digital business*' bagi memastikan graduan UMT memiliki kemampuan '*industry ready and future ready*'.
122. Kemahiran berkaitan '*high value gig economy*' turut diperkasa melalui kerjasama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), latihan keusahawanan melalui Kerjasama Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) dan latihan TVET melalui kerjasama Yayasan Peneraju.
123. Kerjasama strategik turut dijalankan bersama pihak PKT Logistic dalam sektor logistik dan pelabuhan serta bersama pihak Petronas dalam sektor *oil and gas*, bagi meningkatkan peratusan graduan memperolehi gaji premium.
124. Sekarang, kita ada kira-kira 86 graduan sedang menjalani latihan di PKT Logistic dan 25 graduan disenarai pendek untuk mengikuti program Petronas *Be Digital Bootcamp* yang bakal menawarkan peluang pekerjaan dengan gaji premium, satu pencapaian yang amat memberangsangkan bagi UMT.
125. Saya percaya, kerjasama dan hubungan industri sebegini akan terus diperkasa dan dirancarkan oleh UMT-GEM melalui pelaksanaan langkah bersifat spesifik dan strategik. Sinergi UMT-GEM, PPIJIM dan kesemua PTJ perlu diperkukuh, terutamanya melibatkan hubungan strategik bersama pihak industri demi manfaat mahasiswa UMT.
126. Selain itu, UMT-GEM menerusi Bahagian Keusahawanan akan turut membuka '*green lane*' dan peluang kepada mahasiswa menerusi pihak Fakulti Pengajian/PTJ masing-masing iaitu satu projek Aquapreneur dengan penawaran dana pemula dari pihak universiti.

FOKUS UTAMA PERTAMA:

PENYEDIAAN BAKAT TERBAIK NEGARA – MAHASISWA

Program Keenam: Memperkasakan Alumni dan Penyumbangan Kembali

127. Usaha untuk memperhebatkan alumni yang akan menyumbang kembali kepada alma mater akan dipergiatkan oleh Pusat Alumni melalui pelbagai aktiviti yang mampu menyemai rasa cinta mereka kepada UMT seawal sesi pembelajaran mereka di universiti ini.
128. Alumni pelajar antarabangsa perlu diberi perhatian yang khusus, kerana mereka adalah Duta UMT di peringkat Antarabangsa. *Success histories* mereka mampu menjadi *Word of Mouth Marketing* yang sangat berkesan, dalam membantu kita mempromosi dan meningkatkan reputasi UMT.
129. Alumni UMT akan terus diiktiraf menerusi kisah kejayaan atau *success histories* mereka, yang akan diangkat ketika Majlis Anugerah Ikon Alumni (MAIKA) serta menjadi contoh kepada mahasiswa UMT.
130. Saya mahukan kerjasama erat di antara HEPA dan kesemua PTJ diperkukuh, demi melihat kemenjadian alumni yang boleh menyumbang kembali kepada UMT.

FOKUS UTAMA KEDUA:

PENGUKUHAN EKOSISTEM PENYELIDIKAN DAN INOVASI

131. Warga UMT Cemerlang sekalian,
132. Saya amat bangga dengan komitmen yang diberikan oleh semua Warga UMT Cemerlang dalam menjayakan Agenda Penyelidikan dan Inovasi UMT.
133. Seperti mana yang saya nyatakan sebelum ini, pencapaian yang cemerlang untuk beberapa tahun kebelakangan ini membuktikan yang UMT berada di landasan yang tepat untuk terus cemerlang.
134. Sekali lagi saya ingin tekankan bahawa saya tidak mahu kita semua sudah berasa selesa dengan pencapaian cemerlang kita. Dengan momentum hebat yang telah kita wujudkan, kita harus terus tangkas untuk mara lebih ke hadapan.
135. Oleh itu, mulai tahun 2024, untuk fokus utama kedua, pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi, UMT akan lebih memberikan tumpuan untuk

melonjatkan pencapaian penyelidikan dan inovasi di dalam bidang tujahan UMT iaitu ilmu kelautan dan sains akuatik di peringkat global.

FOKUS UTAMA KEDUA:

PENGUKUHAN EKOSISTEM PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Program Pertama: Melonjatkan Pencapaian dan Pengiktirafan UMT di Dalam Bidang Tujahan di Peringkat Global

136. UMT mempunyai 4 buah institut penyelidikan yang mana dua daripadanya iaitu INOS dan AKUATROP telah memasuki fasa matang setelah diiktiraf sebagai HICoE Negara oleh KPT.
137. Pengiktirafan di peringkat kebangsaan, perlu disusuli dengan pengiktirafan di peringkat global.
138. Ianya secara langsung akan menjadikan UMT sebagai universiti terkedepan sebagai pusat ilmu sejagat yang menghimpunkan bakat penyelidik dan saintis serantau dan global.
139. Antara inisiatif yang akan diambil untuk digerakkan tahun ini adalah membangunkan Marine Portal Database yang diiktiraf sebagai rujukan ilmu kelautan Negara dan badan Antarabangsa.
140. INOS selaku HICoE perlu menjadi nadi penggerak utama. Data-data penyelidikan merupakan aset utama Negara dan ianya perlu diurus dengan baik bagi memudahkan rujukan dan capaian pemegang taruh di dalam membuat dasar dan polisi penting Negara.
141. Struktur dan kandungan pangkalan data sedia ada perlu diperkemaskan dan tumpuan perlu diberikan kepada kandungan data biologi dan kimia lautan dan penambahan data Perubahan Iklim Lautan bagi Malaysia.
142. Saya ingin tekankan di sini, bahawa peranan Centre of Governance (COG) perlu dimantapkan lagi, bukan lagi sebagai '*second fiddle*' kepada institusi atau agensi lain tetapi sebagai peneraju pakar rujuk di dalam bidang tadbir urus hal ehwal kelautan (*ocean governance*) di peringkat kebangsaan dan Antarabangsa.
143. COG juga perlu duduk semeja dengan pemegang taruh dari Negara luar untuk membangunkan polisi terutamanya berkaitan *ocean governance* di Laut China

Selatan. *We must make our voices heard in the international arena as a representative of Malaysia.*

144. Oleh itu, saya mahu COG menggariskan Pelan Tindakan dalam masa 6 bulan bagi tujuan tersebut.
145. Agenda globalisasi perlu dimantapkan lagi dengan penubuhan *International Joint Research Lab/Center* di UMT atau di institusi rakan strategik UMT.
146. Buat masa sekarang AKUATROP dan ICAMB telah pun mempunyai *International Joint Research Lab/Center* dengan rakan antarabangsa di dalam bidang tujahan UMT. AKUATROP bersama Shantou University, China dan ICAMB bersama dengan Ghent University, Belgium dan Ocean University of China manakala INOS bersama First Institute of China (FIO).
147. Penubuhan *International Joint Research Lab/Center* datang sekali dengan peruntukan geran penyelidikan dari rakan masing-masing.
148. Apa yang saya mahukan ialah dengan adanya *International Joint Research Lab/Center* ini, kualiti penyelidikan yang dijalankan haruslah menghasilkan ilmu baharu yang berimpak tinggi dan seterusnya berupaya menghasilkan penerbitan di dalam jurnal Nature, Cell atau Science.
149. Ianya bukan satu perkara yang mustahil, namun, kita telah dan sedang melakukannya. Penyelidik kita telah berupaya untuk menerbitkan artikel penyelidikan di dalam jurnal Nature (Subjects). Tahun ini sahaja, dua artikel penyelidikan telah pun diterbitkan di dalam Nature (Subjects).
150. Perkongsian dengan rakan strategik tersohor melalui *International Joint Research Lab/Center* akan dapat memberikan satu pengalaman yang berguna untuk penyelidik kita bertanyakan bagaimana idea yang hebat dapat dihasilkan dan soalan penyelidikan yang berimpak tinggi dapat dibentuk untuk menghasilkan satu penyelidikan setaraf dengan penyelidikan di institusi hebat dunia.
151. Ini membolehkan kita bergerak ke arah yang lebih hebat sebagai peneraju penyelidikan berimpak tinggi dan bukannya sebagai penyelidik bersama lagi.
152. Saya berikan cabaran kepada semua Warga UMT Cemerlang supaya kita dapat bergerak ke arah itu dalam tempoh pelaksanaan PSUMT 5 ini.
153. Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (IBTPL) selaku institut penyelidikan yang paling bongsu juga harus memulakan usaha ke arah

- penghasilan *International Joint Research Lab/Center* di dalam bidang biodiversiti dan *ethno-based research* seperti Smithsonian Institution.
154. Saya dimaklumkan untuk tahun 2024, Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan Institusi (BKPI), JPT telah memperuntukkan 7 slot untuk Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) yang Baharu.
155. Saya mahukan TNC PI bersama-sama Pengarah ICAMB supaya memberikan komitmen yang tinggi bagi memastikan permohonan dapat dihantar ke JPT sebelum 5 Mac 2024.
156. Saya perlu tegaskan di sini, *it is not just about submitting the application to BKPI, but the submitted application must be at least meet the minimum requirement for ICAMB to be shortlisted and subjected to site visit by the panels, in the area of Environment and Climate Change.*

FOKUS UTAMA KEDUA:

PENGUKUHAN EKOSISTEM PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Program Kedua: Melonjakkan Kualiti Penyelidik dan Penyelidikan

157. Para hadirin yang dihormati sekalian,
158. Bakat Akademik merupakan pemboleh daya utama dalam memastikan fokus pengukuhan ekosistem penyelidikan dan inovasi bergerak dengan cemerlang.
159. Warga akademik sepatutnya berupaya menjalankan penyelidikan yang berkualiti dan berimpak seperti perolehan geran penyelidikan, penyeliaan pelajar siswazah terutamanya pelajar PhD serta penghasilan penerbitan, dengan tumpuan yang lebih diberikan kepada penghasilan penerbitan dalam bidang tujahan UMT.
160. *Again, I want all of us to put more emphasis on quality rather than quantity. The impact of the research must be aligned with the needs of communities, industries and more importantly to our Nation.*
161. Strategi mesti dibangunkan dengan lebih menyeluruh untuk memastikan kesinambungan keberhasilan yang berkualiti dan kejayaan yang berimpak. Ianya penting bagi membolehkan UMT dan para penyelidik dirujuk oleh penyelidik dan institusi terunggul luar Negara.
162. Saya boleh nyatakan di sini bahawa kita bernasib baik kerana mempunyai para penyelidik yang hebat serta dapat menyumbang kepada kecemerlangan UMT.

163. UMT juga mempunyai beberapa penyelidik yang amat cemerlang dan menghasilkan penerbitan berimpak tinggi, bilangan sitasi yang tinggi, dan membawa masuk dana penyelidikan antarabangsa berimpak tinggi.
164. Pencapaian cemerlang mereka seharusnya di"pakej"kan dengan sebaik mungkin dan disebar luas untuk meningkatkan reputasi mereka di kalangan rakan akademik dan badan akademik antarabangsa serta agensi-agensi kebangsaan dan antarabangsa untuk mereka mendapat anugerah dan pengiktirafan tersohor.
165. Walaubagaimanapun, apa yang saya risaukan disini, adakah UMT sudah menyediakan bakat-bakat muda sebagai pelapis kepada para penyelidik yang amat cemerlang ini? *What will happen to UMT if one day they decide to pack their bags and leave UMT? Have we done enough to our succession planning?*
166. Oleh itu, saya mahukan TNC PI bersama Pengarah PPBI dapat mengenalpasti para penyelidik muda yang dapat kita mantapkan lagi prestasi berimpak mereka dan seterusnya ditonjolkan di peringkat global.
167. Walaupun begitu, kita akan terus kekal komited dengan memberikan sokongan dan galakan kepada warga penyelidik pada semua peringkat terutamanya penyelidik muda dengan memperuntukan Dana Khas Geran Dalaman Penyelidikan dan Inovasi sebanyak RM2.5 juta.
168. Kesemua Dana Khas melalui sumber dalaman ini mula disalurkan kepada semua Ketua Teras pada tahun 2018 untuk pelaksanaan inisiatif di bawah PSUMT 4.
169. Walaupun peruntukan yang diterima untuk teras penyelidikan dan inovasi tidaklah setinggi universiti-universiti lain, impak yang dihasilkan, pada hemat saya adalah amat tinggi. *The return of investment from the special fund is enormous when we benchmark our MyRA and SETARA achievements with other universities.*
170. Terima kasih diucapkan kepada pihak Bendahari yang telah memperuntukkan dana penyelidikan bagi menjayakan PSUMT 4 sebanyak RM11.5 juta bagi tempoh 6 tahun yang lepas. Hasilnya kita telah lihat perkembangan hasil penyelidikan UMT yang begitu membanggakan pada hari ini.
171. Oleh itu, saya mahukan peruntukan dana khas diteruskan dengan kuantum yang lebih tinggi lagi untuk tahun mendatang. Saya yakin dengan peruntukan yang lebih tinggi, kita mampu bersaing dengan institusi terkemuka luar Negara.

172. Untuk penyelidikan menghasilkan keberhasilan yang berimpak tinggi, budaya penyelidikan berpasukan rentas disiplin perlu dilaksanakan secara strategik untuk membolehkan kumpulan penyelidikan ini dapat melaksanakan penyelidikan fundamental yang bersifat *impact-driven in prioritized and future-proof areas*.
173. Ini akan membolehkan kumpulan penyelidikan tersebut akan diangkat sebagai pusat rujukan di dalam bidang yang dikenalpasti.
174. Skim dana khas dalaman penyelidikan berimpak tinggi yang menyokong kumpulan penyelidikan multi-disiplin atau Special Interest Group (SIG) telah mula diperkenalkan pada tahun lepas melalui dana Geran ID²RG (Inter-Disciplinary Impact-Driven Research Grant) melibatkan dana berjumlah RM300 ribu ringgit bagi setiap SIG.
175. Saya mahukan kesemua SIG dibawah kluster penyelidikan yang menerima dana ini supaya dapat melaksanakan penyelidikan yang saya nyatakan di atas supaya SIG ini dapat dimantapkan dan diangkat sebagai rujukan di peringkat kebangsaan mahupun serantau di dalam *impactful future-proof research areas*.
176. Untuk merencanakan lagi *multi-disciplinary based research*, dana dalaman Research Interest Group (RIG) akan diperkenalkan pada tahun ini kepada RIG aktif di Fakulti. Peruntukan dana berjumlah RM100 ribu ringgit telah pun dipersetujui.
177. Saya mahukan RIG ini akan bertindak sebagai '*nucleus*' untuk bergerak dengan lebih aktif dan berimpak untuk mewujudkan SIG di dalam *future-proof areas*.
178. Pengantarabangsan dana penyelidikan harus diberi perhatian pada tahun 2024 disebabkan kekurangan dana di peringkat kebangsaan.
179. Pelbagai agensi antarabangsa menawarkan dana penyelidikan seperti Badan Riset dan Inovasi Nasional (BRIN) Indonesia, European Union, SATREPS JICA Japan dan International Development Research Centre (IDRC), Canada.
180. Kita semua harus merebut peluang ini. Langkah strategik perlu disusun dengan rapi untuk memulakan proses para penyelidik UMT memohon dana tersebut.
181. TNC PI Bersama Warga penyelidik UMT perlu mengenalpasti dan memperolehi dana-dana penyelidikan terutamanya dana industri dan antarabangsa.

FOKUS UTAMA KEDUA:

PENGUKUHAN EKOSISTEM PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Program Ketiga : Memacu Inovasi, Pengkomersialan dan Perundingan

182. Rakan seperjuangan yang saya hormati sekalian,
183. Penghasilan inovasi berasaskan penyelidikan yang berpotensi untuk pengkomersialan dilihat sebagai aspek yang signifikan dalam sesebuah ekosistem RDCI selanjutnya membawa sesebuah organisasi ke peringkat yang lebih tinggi.
184. Setiap universiti mempunyai tanggungjawab untuk terus memberikan sokongan kepada penyelidik untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan menjurus kepada konsep '*demand-driven*', '*industrial based*' dan '*real world problems*'.
185. Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) perlu memainkan peranan dengan lebih agresif untuk memastikan harta intelek yang dipunyai oleh UMT dapat dikomersialkan dengan berjaya.
186. Kebanyakan syarikat pemula yang diwujudkan oleh penyelidik UMT adalah berkonsepkan '*bootsrap*' iaitu tanpa mempunyai sebarang kapital yang besar.
187. Tambahan lagi, para penyelidik dan pasukan mereka yang mengendali syarikat pemula ini tidak mempunyai pengalaman pembangunan produk dan perniagaan. *It is indeed a recipe for a failure if no intervention is introduced from the very beginning.*
188. Oleh itu, program '*mentoring*' atau '*coaching*' perlu dimantapkan lagi dengan memberikan pendedahan '*pitching*' dengan pelabur atau *angel investor*.
189. Begitu juga dengan pendedahan dengan aspek-aspek pengurusan perniagaan termasuk pemasaran digital, undang-undang syarikat dengan menggunakan '*real-life experience*' start-up yang berjaya.
190. Sehingga kini, terdapat 11 syarikat pemula yang diwujudkan oleh para penyelidik UMT untuk mengkomersialkan harta intelek UMT.
191. Saya mahukan syarikat pemula ini dapat diberikan perhatian serius dan dinilai oleh panel pakar samada mereka sudah bersedia atau tidak untuk melakukan transisi dari syarikat pemula ke syarikat telah bersedia sepenuhnya untuk '*up scale*' penjualan produk mereka.

192. Apabila kita bercakap berkenaan penjanaan pendapatan, UMTJ memainkan peranan yang amat penting terutamanya untuk mengkomersialkan idea para penyelidik UMT melalui perundingan atau penyelidikan berkontrak.
193. Dalam konteks ini, UMTJ perlu memainkan peranan mereka untuk '*facilitate*' dan membantu para penyelidik UMT yang telah mendapat kepercayaan dari pihak industri dan juga yang sedang melihat peluang untuk mendapatkan perundingan dan kontrak penyelidikan dari pihak industri.
194. *In this case, it is not just about making money or profit, it is all about facilitating our researchers and enhancing the reputation of UMT amongst the industries.*

FOKUS UTAMA KETIGA:

PELAKSANAAN PENDEKATAN BAHARU PROGRAM PEMINDAHAN DAN PERKONGSIAN ILMU

195. Hadirin yang dihormati sekalian,
196. Universiti memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan komuniti yang berilmu dan berpengetahuan tinggi. Aspek penyelidikan dan penciptaan teknologi baharu di universiti juga amat penting bagi menyokong penerokaan dan penciptaan ilmu.
197. Justeru, penyelidikan dan teknologi baharu yang dihasilkan perlu dikongsi dengan masyarakat agar proses merakyatkan ilmu dapat menjadi pemangkin dan pendorong utama kepada pengupayaan ekonomi komuniti.
198. Selain daripada itu, keperluan untuk memperkukuhkan jaringan bersama industri menjadi semakin kritikal. Pemerksaan bakat tenaga kerja masa hadapan terus menjadi pendorong utama kepada pembangunan ekonomi Negara melalui perkongsian di antara universiti dan industri.
199. Kolaborasi ini memainkan peranan yang penting dalam menyokong usaha penyediaan kurikulum berasaskan keperluan industri, latihan kemahiran, kompetensi dan profesional serta perkongsian kepakaran dan teknologi terkini, yang akan memanfaatkan industri negara.

FOKUS UTAMA KETIGA:

PELAKSANAAN PENDEKATAN BAHARU PROGRAM

Program Pertama: Pemindahan dan Perkongsian Ilmu

200. Beberapa aktiviti sudah dirangka khusus bagi mengembangkan pembangunan kapasiti komuniti melalui program-program pemindahan ilmu dan teknologi yang dihasilkan ahli akademik UMT antaranya Pelaksanaan Program Pemindahan Ilmu Memfokuskan Bidang Tujahan.
201. Intipati ucapan YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Belanjawan 2024 ada menyatakan bahawa "Bagi meningkatkan tahap sosioekonomi dan mendaya upaya usahawan setempat, Kerajaan menyediakan 1 juta ringgit kepada setiap universiti awam untuk memperhebat pelaksanaan Program Pengupayaan Komuniti MADANI".
202. Kita telah mengenalpasti projek-projek berimpak tinggi hasil penyelidikan yang bertujuan merancakkan ekonomi berdasarkan kepada keperluan dan permintaan komuniti supaya menghasilkan pendapatan bermakna kepada mereka, terutamanya dalam bidang tujahan.
203. Projek yang dikenalpasti memenuhi kriteria seperti berimpak tinggi, kos yang rendah, hasil pulangan cepat, lestari dan boleh dipasarkan bagi menyokong ekosistem sosio-ekonomi setempat. Pendekatan projek berbentuk '*quintuple helix*' amat penting terutama libatsama rakan strategik bagi kelestarian.
204. Untuk tahun 2024 ini, Pusat Aktiviti Komuniti UMT (PAKU) akan diwujudkan dalam usaha merancakkan kepelbagaian projek pemindahan ilmu mengikut keperluan utama.
205. Dalam agenda ini, UMT bertindak sebagai Penasihat dan pelantikan Saintis Komuniti sebagai penggerak utama projek di lokasi terpilih. Sebagai langkah permulaan, PPIJIM telah mengenalpasti empat (4) projek berimpak yang berteraskan bidang tujahan dan bukan tujahan.
206. Selain itu juga, penubuhan Pusat Ekonomi Biru atau Blue Economy Advancement Centre atau singkatannya UMT-BEACON sebagai sebuah pusat baharu di UMT akan memainkan peranan penting sebagai pemudahcara dan penggerak utama Pemindahan Ilmu melalui projek berkaitan.

FOKUS UTAMA KETIGA:

PELAKSANAAN PENDEKATAN BAHARU PROGRAM

Program Kedua: Program Tanggungjawab Sosial

207. Program Tanggungjawab Sosial universiti atau *University Social Responsibility* (USR) perlu dimantapkan ke arah pengantarabangsaan dengan cara penglibatan Program Mobiliti Antarabangsa dengan kerjasama Pusat Antarabangsa dan PTJ yang lain.
208. Penglibatan sebagai ahli persatuan peringkat global bagi pembangunan komuniti seperti World University Association for Community Development akan meningkatkan lagi agenda pengantarabangsaan USR.
209. Di samping itu, UMT menekankan penglibatan rakan strategik berbentuk UCSR (University Corporate Sosial Responsibility) dengan sumbangan berbentuk kewangan atau bukan kewangan (in-kind) bagi menyemarakkan lagi program yang dirancang. Penglibatan ini amat penting dalam pencapaian universiti dalam penarafan SETARA.

FOKUS UTAMA KETIGA:

PELAKSANAAN PENDEKATAN BAHARU PROGRAM

Program Ketiga: Pemantapan Jaringan Industri

210. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,
211. Pusat Ekonomi Biru Sebagai Pemangkin Utama Jaringan Industri. Dalam membangunkan Malaysia ke arah Negara berstatus maju, UMT amat peka dalam mencari titik keseimbangan di antara pembangunan dan juga pemuliharaan persekitaran.
212. Maka, ingin saya tekankan di sini, UMT BEACON selain melaksanakan aktiviti bersifat pemindahan ilmu, ia juga perlu memainkan peranan yang amat penting untuk menyokong inisiatif kerajaan Malaysia dalam membangunkan ekonomi biru dengan memperkasakan jaringan industri yang berkaitan dengan Blue Economy.
213. Penubuhan Academic-Industry Logistics Consortium pada tahun ini merupakan langkah proaktif bagi memperkuatkan kerjasama di antara dunia akademik dan

- industri dalam bidang logistik dan berkaitan serta meningkatkan keserlahan bidang maritim dan logistik yang mana merupakan salah satu bidang nic UMT.
214. Konsortium ini bertujuan untuk membina hubungan strategik di antara institusi pengajian tinggi, penyelidik, dan syarikat dalam sektor logistik, dengan matlamat memperkasakan tenaga kerja masa hadapan, mengurangkan jurang '*mismatch*' di antara kurikulum universiti dan kemahiran yang diperlukan oleh industri, pertukaran pengetahuan, serta pemahaman mendalam mengenai perkembangan terkini dalam industri ini.
 215. Penubuhan AILC juga mampu menangani cabaran kompleks dan peluang yang wujud dalam industri logistik. Dengan mengumpulkan pakar akademik yang memiliki kepakaran dalam penyelidikan dan pembangunan, serta praktisi yang mempunyai pengalaman langsung dalam industri, AILC diharapkan dapat menjadi pusat kolaborasi yang dinamik.
 216. Dengan inisiatif strategik ini, saya harapkan agar kita semua akan sentiasa komited dalam memperkasa pemindahan ilmu dan memperkukuhkan kerjasama dengan industri sebagai langkah proaktif dalam meningkatkan mutu pendidikan tinggi yang memenuhi keperluan sebenar industri.
 217. Ianya secara langsung akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara.
 218. Semenjak penubuhan UMT, kita tidak pernah mendapat '*true endowment*' fund dari industri atau dari orang perseorangan (*philanthropists*).
 219. Hasil dari hubungan kerjasama erat bersama pihak industri, universiti berpotensi untuk mendapatkan *endowment*.
 220. Oleh itu, saya mahukan langkah strategik perlu diambil oleh Timbalan-Timbalan Naib Canselor dan kesemua Ketua PTJ untuk memulakan pendekatan baharu mendapatkan *true endowment* dengan sasaran sebanyak RM 1 Juta untuk tahun 2024.
 221. Pelbagai inisiatif boleh kita laksanakan hasil hibah daripada *endowment* tersebut seperti dana penyelidikan, biasiswa untuk membiayai mahasiswa kita khususnya untuk *double degree* program dan melaksanakan program perkongsian ilmu.

**FOKUS UTAMA KEEMPAT:
PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI**

222. Hadirin sekalian.
223. Pendidikan tinggi merupakan satu sektor ekonomi yang penting di peringkat global. Ia merupakan satu sektor yang melatih dan melahirkan bakat atau modal insan yang meningkatkan keupayaan individu, pendapatan keluarga dan tentunya kemajuan Negara.
224. Asia mendominasi permintaan global terhadap pendidikan tinggi untuk 2 dekad akan datang. Malaysia telah pun menjadi hab pendidikan di rantau ini dengan wujudnya *trans-national education* di mana 10 kampus universiti luar Negara sedang beroperasi Malaysia.
225. Oleh itu, kita perlu mengambil peluang keemasan ini dengan menawarkan program akademik yang berkualiti dan terkini mengikut keperluan semasa terutamanya industri, keusahawanan dan pendigitalan untuk menarik minat pelajar antarabangsa mengikuti program akademik tersebut.

**FOKUS UTAMA KEEMPAT:
PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI**

Program Pertama: Mengantarabangsakan Program Akademik Berkualiti

226. Perubahan pendidikan tinggi berlaku dengan amat pantas terutamanya pada era pasca-normal dan ledakan era pendigitalan. Kita seharusnya berubah dengan pantas mengikut rentak supaya sentiasa berada di hadapan dan bukannya menjadi pengikut dari belakang.
227. Ledakan pendigitalan memberikan kita peluang keemasan untuk menyebarkan pendidikan tinggi (*massification of higher education*) dan meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa.
228. Program akademik berkualiti dengan menumpukan bidang tujahan UMT perlu diperkenalkan dengan segera melalui penawaran *open and distance learning (ODL) programmes*.
229. UMT Life telah ditubuhkan untuk tujuan ini dan perlu bergerak dengan pantas untuk menyediakan program akademik bagi penawaran melalui ODL.

230. Program akademik yang ditawarkan perlu dipastikan kekal segar dan terkini. Kita semua harus tahu dan akui bahawa semua universiti yang hebat di dunia ini mempunyai ahli akademik yang ghairah kepada pencapaian hasil penyelidikan di dalam bidang kepakaran masing-masing.
231. Di universiti, kita harus bangukan sebuah ekosistem pengajaran dan pembelajaran yang mantap dengan menerapkan amalan "*research-based education*" iaitu memasukkan ilmu pengetahuan baharu yang dijana melalui penyelidikan pensyarah ke dalam kurikulum kursus pensyarah tersebut.
232. *Teaching and learning is not all about formulating the curriculum from the text books alone. New knowledge based on research carried out by the lecturers must be infused into the curriculum to ensure the curriculum stays fresh, up-to-date and relevant.*
233. Dengan cara demikian sahaja seseorang ahli akademik dapat melahirkan generasi muda yang celik ilmu baharu, berdaya-saing dan disegani ramai di peringkat global mahupun di tanahair yang kita cintai ini
234. Kurikulum juga perlu diserapkan dengan elemen *Sustainable Development Goals (SDG), Environmental, Social and Governance (ESG)*, pendigitalan terutamanya *Artificial Intelligent, Disruptive Technologies* dan juga keusahawanan.
235. Ianya secara langsung akan meningkatkan minat pelajar antarabangsa untuk mengikut program akademik tersebut di UMT.
236. Walaupun enrolment pelajar antarabangsa menunjukkan peningkatan, tetapi ianya bukanlah sesuatu yang perlu dibanggakan kerana kita sebenarnya masih ketinggalan jika dibandingkan dengan universiti awam yang lain.
237. Pengantarabangsaan program akademik secara *Open and Distance Learning (ODL)* juga merupakan sumber penjana pendapatan utama atau tertinggi di mana-mana universiti.
238. Saya ingin kongsi di sini bersama anda sekalian, UMT masih lemah dalam penjana pendapatan berbanding universiti awam yang lain.
239. Saya dimaklumkan ada sesetengah universiti awam menjana pendapatan sehingga ratusan juta ringgit melalui pengkomersialan program akademik. Oleh itu, saya mahukan inisiatif ini disegerakan dan dimulakan penawaran sebolehnya tahun ini.

240. Selain daripada itu, pengantarabangsaan program akademik melalui pelaksanaan *Dual Degree/Joint Degree/Double Degree* juga perlu diteruskan dan diperkasakan lagi.
241. Ia merupakan salah satu platform memberi nilai tambah bukan sahaja kepada program pengajian malah kepada perkembangan mahasiswa dari aspek '*emotional intelligence*' dan '*cognitif intelligence*'.
242. Saya mahukan *Dual Degree/Joint Degree/Double Degree* yang sedia ada dan yang akan diadakan bukan setakat hanya mendapat kelulusan KPT tetapi yang lebih penting lagi mempunyai sebilangan pelajar yang signifikan yang mengikuti program akademik tersebut.
243. Saya juga mahukan TNC AA dan juga dekan-dekan dapat mengenalpasti program akademik yang ditawarkan oleh Negara luar yang memerlukan pelajar mereka berada di luar Negara selama setahun. UMT perlu mengambil peluang tersebut untuk menempatkan pelajar ini di UMT sekurang-kurangnya satu tahun.
244. Ianya membuka ruang yang amat tinggi untuk UMT menjalinkan usahasama dual degree program dengan universiti di negara tersebut.
245. Perkongsian pintar dengan kolej tempatan untuk mewujudkan dual degree programme dengan universiti luar negara juga perlu dipelopori. Sebagai contoh, perkongsian pintar dengan Peninsula College sebagai '*feeder*' untuk dual degree program di antara UMT dan Plymouth University.
246. Dalam kes ini, Peninsula College akan membekalkan pelajar diploma untuk mengikuti dual degree program yang bakal diwujudkan di antara UMT dan Plymouth Universiti.
247. Mobiliti pelajar juga merupakan satu agenda besar dan penting di dalam mengantarabangsakan pendidikan tinggi UMT.
248. Selama 2 tahun dunia dilanda kemelut wabak COVID-19 dan dalam tempoh tersebut segala aktiviti mobiliti tidak dapat dilaksanakan secara fizikal dan telah beralih kepada norma baharu iaitu secara atas talian. Lanjutan dari itu, program mobiliti telah dirangka semula bersesuaian dengan pelaksanaan normal.
249. Kaedah pelaksanaan telah ditambahbaik dengan pelaksanaan secara fizikal dan '*virtual*'. Dengan kaedah pelaksanaan ini, angka pencapaian telah melonjak dengan peningkatan lebih dari 30%.

250. Saya juga mahukan kriteria and sasaran mobiliti harus menepati kriteria yang telah ditetapkan di dalam PSUMT 5 dan juga SETARA.
251. Bagi memastikan program mobiliti ini menyumbang kepada impak yang lebih besar, konsep 3 in 1 program akan diterapkan untuk setiap program mobiliti dengan menerapkan elemen kelestarian alam sekitar yang akan menyumbang kepada UI Greenmetric dan juga Impact and Sustainability Rankings.
252. Saya tekankan sekali lagi, bahawa pendekatan program *summer school* atau *summer camp* juga perlu diperkasakan dengan penawaran modul yang berkredit berasaskan kepada modul berstruktur kepada pelajar antarabangsa berasaskan bidang tujahan UMT. Ianya akan menambahkan lagi nilai atau kualiti kepada program tersebut.

FOKUS UTAMA KEEMPAT:

PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI

Program Kedua: Memperkasakan Pendidikan Anjal (*Flexible Education*)

253. Mahasiswa masa kini berbeza dengan mahasiswa sedekad atau dua dekad yang lepas disebabkan oleh ledakan era pendigitalan. Potensi mahasiswa yang mengikuti program akademik di universiti juga berbeza.
254. Kita semua harus peka kepada perubahan dan peredaran zaman di mana potensi mahasiswa bukan sahaja dari golongan 'traditional students' tetapi juga dari golongan 'non-traditional students' di mana bilangannya semakin berkembang dan meningkat.
255. '*Non-traditional students*' termasuklah mereka yang lebih selesa mengikuti program akademik secara atas talian dan secara separa masa.
256. Ada di antara mereka ini bekerja sepenuh masa namun masih mempunyai motivasi untuk mengikuti program akademik, tetapi bukan secara sepenuh masa dan bukan secara fizikal di kampus 5 hari seminggu.
257. Ada juga di kalangan '*non-traditional students*' ini yang hanya mahu mengikuti kursus untuk meningkatkan kemahiran dan kompetensi. Oleh itu, UMT harus berubah. Kita harus berubah.
258. Pendidikan anjal harus diperkasakan untuk membolehkan '*non-traditional students*' mengikuti program akademik yang kita tawarkan.

259. Penawaran *microcredentials*, MOOC dan kursus secara *hybrid* atau atas talian serta jadual waktu yang fleksibel perlu dititikberatkan untuk menjayakan program ini.
260. Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang hayat (PSH) juga perlu diperkasakan lagi dengan penawaran kursus berasaskan kepada kemahiran dan kompetensi yang terkini berdasarkan kepada kehendak industri semasa.

FOKUS UTAMA KEEMPAT:

PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI

Program Ketiga: *Making Teaching and Learning Fun Again*

261. Pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting di dalam proses pendidikan formal pelajar. Semua pensyarah mestilah ghairah dan memberikan sepenuh komitmen di dalam berkongsi pengetahuan baharu kepada mahasiswa.
262. Tiada kompromi dalam perkara ini.
263. *Hence, it is our responsibility to ensure that lecturers feel that teaching and learning is fun again.*
264. Kita tidak seharusnya membebankan pensyarah kita dengan beban pengajaran yang tidak munasabah dan proses dokumentasi yang berlebihan. Saya tidak mahu bebanan pengajaran ditambah semata-mata untuk membolehkan beban pengajaran para pensyarah ditetapkan ke 12 jam kredit.
265. Polisi dengan jelas menyatakan minimum jam kredit adalah 9 jam kredit dan bergantung kepada kes-kes tertentu dengan kuasa Dekan, jam kredit ini boleh lagi dipertimbangkan untuk dikurangkan.
266. Saya mahukan para dekan dapat menggunakan kebijaksanaan masing-masing untuk memastikan bebanan pengajaran tidak terlalu tinggi sehingga mengganggu tugas dan tanggungjawab kepada 2 lagi tunjang utama akademik iaitu penyelidikan dan pemindahan ilmu.
267. Saya juga mahu ahli akademik diberi kebebasan akademik dan waktu bekerja yang lebih anjal. Maka dengan ini, saya sarankan supaya waktu bekerja bagi ahli akademik di UMT diberi kelonggaran yang sewajarnya.
268. Kebebasan akademik ini mesti kita hargai dengan penuh integriti, demi memastikan kecemerlangan organisasi yang kita cintai ini dapat dikekalkan.

**FOKUS UTAMA KELIMA:
PEMANTAPAN EKOSISTEM PEMBOLEH DAYA**

269. Para hadirin sekalian.
270. Untuk membolehkan tiga tunjang utama universiti yang saya nyatakan sebelum ini dilaksanakan dengan cekap dan berkesan demi mencapai kecemerlangan, ketiga-tiga tunjang utama tersebut perlu didokong oleh ekosistem pemboleh daya yang mantap.
271. Salah satu pemboleh daya yang amat penting telah pun saya huraikan di bawah fokus utama yang pertama iaitu pemerksaan bakat cemerlang.
272. UMT tidak boleh lari dari agenda globalisasi di abad ke 21. Dunia tanpa sempadan telah dan sedang mengubah cara kita semua melaksanakan tugas masing-masing dengan cekap dan berkesan untuk mencapai apa jua tanggungjawab yang diberikan dengan cemerlang.
273. Oleh itu, UMT perlu berubah supaya kita tidak ketinggalan dengan arus perubahan pasca-normal, tapi yang penting lagi, kita semua harus mara hadapan untuk mengharungi era ini.
274. Apabila saya bercakap berkenaan pemboleh daya sebagai fokus kelima bagi tahun 2024, saya mahu memberikan fokus dan memusatkan segala usaha kita dalam memantapkan lagi pemboleh daya pendigitalan kampus ke peringkat yang lebih cemerlang dan relevan dengan era digital yang semakin berkembang pesat.

**FOKUS UTAMA KELIMA:
PEMANTAPAN EKOSISTEM PEMBOLEH DAYA
Program Pertama: Sistem Cekap dan Mesra Pengguna**

275. Pengadaptasian pendigitalan yang efisien bukan sahaja penting dalam persekitaran pembelajaran dan penyelidikan, malah ianya juga amat penting dalam meningkatkan kualiti sistem perkhidmatan universiti.
276. Melalui pembangunan dan penaiktarafan sistem pengurusan berasaskan pendigitalan yang cekap dan mesra pengguna, saya yakin karenah birokrasi dapat diminimumkan.

277. Pendigitalan pengurusan perkhidmatan yang kita ingin laksanakan mestilah dapat membantu memudahkan segala urusan kita, mempercepatkan pembuatan keputusan serta mengurangkan jurang birokrasi.
278. Oleh itu, saya mahukan kesemua sistem digital yang akan dibangunkan mulai sekarang wajib menekankan faktor-faktor seperti memantapkan lagi proses urusan tanpa kertas, memudahkan lagi proses serta mempercepatkan keputusan dibuat, yang akan membolehkan masalah birokrasi di atasi sepenuhnya.
279. Begitu juga dengan sistem sediaada, saya juga mahukan kesemua pemilik sistem agar dapat melihat semula keberkesanan sistem tersebut untuk mengurangkan karenah birokrasi.
280. Pendigitalan sistem tidak seharusnya menyusahkan atau melambatkan urusan, atau, menimbulkan lagi karenah biroksi berbanding dengan sistem tradisional.

FOKUS UTAMA KELIMA:

PEMANTAPAN EKOSISTEM PEMBOLEH DAYA

Program Kedua: Pembudayaan Kerja Mesra Digital

281. Tanpa sokongan dan kerjasama daripada kita semua sebagai pengguna sistem digital, adalah mustahil untuk kita berjaya laksanakan segala inisiatif untuk mengurangkan karenah birokrasi dengan berkesan.
282. Pendigitalan bukan hanya tertumpu kepada usaha meningkatkan pembangunan dan penggunaan teknologi yang efisien, malah terlebih penting, ianya memerlukan kepada pembudayaan kerja yang lebih terbuka dan sentiasa bersedia menerima perubahan.
283. Tanpa perubahan budaya kerja, mustahil pendigitalan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kita. Pendigitalan hanya akan dapat memberi impak positif yang maksima sekiranya kita semua bersedia untuk merubah cara kerja kita (*change management*) kepada satu budaya baru yang mesra digital dan selari dengan pengadaptasian teknologi yang ingin kita gunakan.
284. Saya mahu nyatakan dengan tegas bahawa budaya baharu yang mesra digital juga seharusnya wujud untuk memastikan pelaksanaan Sistem integrasi pangkalan data utama (SID) dapat dijayakan.

285. SID adalah satu pangkalan data yang amat penting untuk membolehkan prestasi UMT dipacu oleh data (*data-driven performance*), dan yang lebih penting lagi, keputusan penting dibuat berpaksikan data yang sahih, terkini dan lengkap (*data-driven decision*).
286. Oleh itu, saya mahukan kesemua pemilik sistem agar memberikan komitmen yang tinggi untuk membolehkan data-data yang ada di pelbagai sistem di UMT adalah sahih, terkini dan lengkap, serta sejajar dengan format yang diperlukan di SID.
287. Sekiranya sistem-sistem yang sediaada perlu ditambahbaik untuk menjajarkan dengan keperluan SID, saya mahu ianya dilakukan dengan segera. Chief Digital Office (CDO) perlu pastikan yang SID dapat digunapakai sepenuhnya pada akhir tahun ini.
288. Oleh itu saya mengajak setiap warga UMT, termasuk diri saya sendiri, untuk menerima cabaran perubahan dan bekerjasama dalam melaksanakan transformasi digital UMT.

FOKUS UTAMA KELIMA:

PEMANTAPAN EKOSISTEM PEMBOLEH DAYA

Program Ketiga: Merapatkan Jurang Digital

289. Dalam kita ghairah mengejar perkembangan teknologi digital yang semakin pantas, kita wajib mengambil kira isu jurang digital yang pasti berlaku di kalangan warga UMT apabila infrastruktur tidak mencukupi, capaian internet yang terhad, atau, pengguna yang kurang celik dengan dunia pendigitalan.
290. Kita tidak boleh memaksa warga kita untuk terus menerima dan mengadaptasi agenda pendigitalan yang ingin kita laksanakan tanpa menyediakan fasiliti, peralatan, akses, serta yang lebih penting lagi, ilmu pengetahuan dan kemahiran digital yang secukupnya kepada semua peringkat warga UMT.
291. Kemahiran digital bukan lagi hanya satu kelebihan, tetapi ia telah menjadi satu keperluan asas dalam operasi perkhidmatan kita.
292. Latihan kemahiran digital merangkumi pelbagai aspek termasuk penggunaan perisian dan aplikasi, penguasaan alat elektronik, kebolehan berkomunikasi dalam persekitaran digital, pemahaman terhadap konsep-konsep seperti

keselamatan siber dan privasi dalam talian, serta pengaplikasian kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) atau AI dalam aspek perkhidmatan.

293. Oleh itu saya mahukan PPBI dengan kerjasama Pusat Ekosistem Digital, Fakulti Sains Komputer dan Matematik serta pemilik sistem digital dapat mengadakan siri latihan yang berterusan untuk mengurangkan jurang digital dan meningkatkan celik digital termasuk kemahiran AI di kalangan Warga UMT cemerlang.
294. Saya juga tidak mahu mahasiswa kita ketinggalan dengan arus perubahan pantas era pendigitalan terutamanya kefahaman AI. Saya mahukan TNC AA dan TNC HEPA memberi perhatian serius kepada perkara ini.
295. YAB Perdana Menteri sendiri telah menetapkan bahawa semua mahasiswa perlu mengikuti kursus empat jam program kefahaman AI.

PENUTUP

296. Warga UMT yang dikasihi sekalian.
297. Saya telah gariskan pelbagai program dan inisiatif di bawah 5 fokus utama untuk kita sama-sama berganding bahu melaksanakan agenda tersebut pada tahun ini dengan cemerlang.
298. Saya tidak mahu perutusan saya ini sekadar akan menjadi satu buku yang diletak atas rak atau disimpan di dalam komputer, tanpa dijadikan asas penting untuk melaksanakan apa yang telah dirancang.
299. *Execution is very critical* dan saya mahukan kesemua Jeneral saya – Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pro Naib Canselor, para Dekan dan Pengarah Institut - bersama Warga UMT Cemerlang memastikan program dan inisiatif dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk mencapai apa yang dihasratkan. Saya akan mewujudkan satu *Taskforce* untuk memantau pelaksanaan program dan inisiatif ini dengan jayanya.
300. Saya juga ingin tekankan bahawa PSUMT5 yang bermula dari tahun 2023 sehingga 2027, juga mempunyai objektif strategi dan indikator yang perlu dicapai setiap tahun dengan matlamat utama dipenuhi pada tahun 2027.
301. Pelbagai inisiatif juga telah digariskan di dalam PSUMT5 untuk mencapai sasaran indikator yang telah ditetapkan. Program dan inisiatif yang saya nyatakan di

- bawah 5 fokus utama tahun 2024 ini juga merangkumi inisiatif yang dibangunkan di PSUMT5.
302. PSUMT5 dan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor perlu dihayati bersama dalam usaha kita melaksanakan segala inisiatif yang telah dirancang dengan baik.
303. Memetik kata-kata oleh *Sun Tzu yang menyatakan "Strategy without tactics is the slowest route to victory. Tactics without strategy is the noise before defeat." So again, execution based on the defined strategies is the key for success.*
304. Oleh itu, saya mengajak agar kesemua Warga UMT Cemerlang supaya bekerja bersama-sama dengan saya sebagai satu keluarga yang utuh bagi menjayakan kesemua perancangan yang telah kita tetapkan untuk tahun 2024.
305. Kita sudah menurapkan asas yang kukuh untuk melonjak ke peringkat yang lebih tinggi lagi sebagai sebuah keluarga.
306. Sebelum saya mengundurkan diri, dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadan Al-mubarak yang bakal menjengah kita tidak berapa lama lagi.
307. Semoga bulan mulia ini menjadi asbab untuk kita menilai diri, terus meningkatkan usaha dan sama-sama berbakti kepada UMT yang tercinta. Saya akhiri ucapan saya dengan 2 rangkap pantun:-

*Wangi mekar bunga kuini,
Tumbuh menjalar si bunga telang,
Menjulangi aspirasi mengakar Madani,
Menakhoda globalisasi, citra cemerlang.*

*Kain songket dipakai ramai,
Tenunan rakyat aslinya timur,
Kelestarian misi, kejayaan disemai,
Impak kecemerlangan, dikecapi makmur.*

308. Sekian sahaja, saya sudahi ucapan saya dengan Wa billahi taufiq wal hidayah, wassalamu alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh. Sekian, Terima kasih.